

14/07/1998

Ibarat lilin

Jami'ah Shukri

TRAGEDI banjir lumpur Pos Dipang, Perak mengorbankan lebih 40 nyawa kira-kira dua tahun lalu bukan sahaja menjadi igauan keluarga mangsa dan penduduk Orang Asli yang tinggal di kawasan tepi sungai berkenaan malah terbabit secara langsung dalam kejadian itu.

Mengimbas kembali kejadian itu, Norsiah bersama dua lagi rakannya terpaksa berjalan kaki kira-kira lima kilometer untuk memberi bantuan seorang ibu yang baru bersalin dan dalam keadaan kritikal.

Ketika itu jalan darat terputus berikutan kejadian banjir lumpur itu dan mereka terpaksa berjalan kaki ke rumah wanita berkenaan.

"Bagi kami nyawa ibu dan anak itu lebih penting dan kami bertanggungjawab untuk membantu mereka walaupun terpaksa menghadapi Syukurlah mereka selamat," katanya ketika ditemui di Klinik Malim Nawar, tempatnya bertugas kini.

Bagaimanapun bagi Norsiah, itu hanya satu daripada pelbagai pengalamannya sejak mula bertugas kira-kira 19 tahun lalu.

"Pengalaman inilah yang menguatkan lagi semangat saya dan mungkin rakan-rakan jururawat lain untuk meneruskan tugas ini," katanya.

Berkat keberanian itulah, Norsiah dipilh menerima Anugerah Maulidur Rasul 1419. Beliau adalah wanita tunggal daripada 10 penerima anugerah itu yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Itulah pengalaman Norsiah selama bertugas sebagai jururawat ketika ditemubual Wartawan Wanita Jami'ah Shukri dan dan jurugambar Ikhwan Munir.

(END)